

Najib dakwa Fuziah tidak jujur

SHAH ALAM - Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh disifatkan sebagai tidak jujur ketika memberi alasan mengapa operasi kilang nadir bumi, Lynas Corporation Ltd (Lynas) di Gebeng, Pahang masih diteruskan sehingga kini.

Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Fuziah menyembunyikan beberapa fakta berhubung perkara itu.

"Akhirnya Fuziah memberi alasan kenapa Lynas diteruskan dan dibenarkan simpan sisa buangan mereka di Malaysia.


"Tapi apa yang Fuziah tak sebut ialah kerajaan PH (Pakatan Harapan) telah menerima bayaran RM175 juta daripada Lynas baru-baru ini.

"Oleh itu, lesen Lynas dilanjutkan dan Lynas mungkin dibenarkan untuk buang sisa-sisa mereka ke dalam bekas kolam lombong. Kenapa tak sebut duit Lynas sudah masuk?" katanya yang dipetik menerusi kenyataan di Facebook rasminya semalam.

Najib berkata, Fuziah banyak memberi alasan mengarut bagi mempertahankan hujahnya.



FUZIAH



NAJIB

ISU LYNAS

"Alasan dia ialah kerana Bon Samurai.

Dia kata kerajaan dahulu terlalu banyak hutang. Oleh itu, kerajaan PH terpaksa pinjam Bon Samurai sebanyak RM7.3 bilion awal tahun ini.

"Negara kita sekarang dipaksa dan dikuasai Jepun yang tidak ingin Lynas dihentikan untuk mengelakkan industri pembuatan di Jepun lumpuh. Seolah-olah negara kita dijual kepada Jepun dan kini kita menjadi tanah jajahan Jepun sekali lagi," katanya.

Jelas Najib, dalam hal itu, tiada siapa yang paksa Malaysia meminjam daripada Jepun.

"Dulu masa PM keempat, kita banyak pinjam daripada

Jepun sehingga hutang asing kita melambung apabila nilai Yen naik berkali ganda. Tapi kerajaan BN pada masa saya, sudah melunaskan kebanyakan hutang itu," katanya.

Sebelum ini, terkesan dengan kritikan negatif rakyat Malaysia, Fuziah yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan situasi sebenar operasi Lynas.

Beliau berkata, kerajaan tersepit kerana pihak yang mendapat manfaat daripada hasil nadir bumi diproses di kilang tersebut ialah Jepun.

Katanya, Jepun ialah sebuah negara yang meminjamkan wang kepada Malaysia dalam bentuk Bon Samurai.